Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Sasbadi dapat kontrak bekal buku teks cetakan semula ke sekolah

Oleh BERNAMA - Ogos 5, 2024 @ 8:46pm



Sasbadi Holdings Bhd.

Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Bhd, Sasbadi Sdn Bhd (SSB) menerima kontrak Tahun 2024 (Pakej 15) daripada Kementerian Pendidikan (KPM) untuk membekalkan buku teks cetakan semula kepada sekolah bernilai RM6.88 juta.

Dalam makluman Bursa Malaysia hari ini, penerbit bahan pendidikan itu berkata, anak syarikat secara tidak langsung miliknya, The Malaya Press Sdn Bhd (TMP), juga telah menandatangani kontrak Tahun 2024 (Pakej 18) bernilai RM4.82 juta.

"Kontrak adalah dari 5 Ogos 2024 hingga 4 Ogos 2026.

"SSB dan TMP dijangka menyampaikan tranche pertama kontrak, bernilai kira-kira RM5.85 juta secara keseluruhan kepada sekolah di seluruh Malaysia pada suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025," katanya dalam makluman Bursa Malaysia hari ini .

-BERNAMA